



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**3 APRIL 2023 (ISNIN)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**3 APRIL 2023 (ISNIN)**

## Harga siling ayam, telur kekal

**Johor Bahru:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memutuskan untuk mengekalkan harga siling ayam dan telur sehingga selepas perayaan Aidilfitri.

Menterinya Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pihaknya juga memberi jaminan bekalan ayam dan telur mencukupi serta dijual mengikut harga siling yang ditetapkan sepanjang Ramadan dan Aidilfitri.

Beliau berkata, KPDN juga akan melakukan pemantauan setiap hari sepanjang Ramadan ini, bagi memastikan tiada isu kenaikan harga berlaku.

"Kerajaan tidak bercadang mengangkat (naikkan) harga siling, ini kita sudah putuskan dalam Kabinet.

"Pasukan KPDN dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) juga sudah mengadakan libat urus, dan setakat ini kita memberikan jaminan bekalan (ayam dan telur) mencukupi dan ia dijual pada harga siling yang sudahpun

ditetapkan," katanya selepas mengadakan *walk about* Jualan dan Pakej Barangan Rahmah di pasar raya Hwa Thai di sini, kelmarin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada KPDN melihat harga siling bagi ayam dan telur akan dinaikkan.

Salahuddin berkata, pemain industri juga memberi jaminan dan menyatakan kesediaan mereka untuk membuat lebihan pengeluaran ayam dan telur pada bulan Ramadan berikutan peningkatan permintaan.

"Saya diberitahu bahawa bekalan (telur dan ayam) akan meningkat pada Ra-

madan dan Aidilfitri, saya juga sudah berjumpa dengan pemain industri dan mereka memberikan jaminan dan bersedia untuk membuat lebihan pengeluaran, jadi itu satu jaminan yang diberikan kepada KPDN," katanya.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu baru-baru ini berkata, harga siling runcit semasa bagi ayam standard adalah RM9.40 sekilogram, manakala harga siling runcit telur bagi Gred A pada 45 sen sebiji, Gred B (43 sen sebiji) dan Gred C (41 sen sebiji), masing-masing di Semenanjung, sementara Langkawi, Sabah, Sarawak dan Labuan, harga maksimum bagi kedua-dua makanan itu adalah berbeza mengikut zon dan daerah.

Mohamad Sabu juga dipetik sebagai berkata, harga ayam dan telur dijangka diapungkan selepas Jun ini dalam usaha kerajaan memastikan masalah kekurangan bekalan makanan itu dapat diatasi.



SALAHUDDIN

## 49 kedai tawar Menu Rahmah Non Halal

**Johor Bahru:** Sebanyak 49 kedai di Food Street Taman Johor Jaya di sini, menjadi antara yang terawal menawarkan Menu Rahmah Non Halal bagi komuniti bukan Islam di negeri itu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, inisiatif bagi komuniti bukan Islam itu, dilaksanakan Persatuan Peniaga Makanan dan Minuman Taman Johor Jaya.

"Inisiatif Menu Rahmah diperluaskan bagi makanan komuniti bukan beragama Islam di Food Street Taman Johor Jaya, Johor Bahru.

"Untuk makluman, terdapat 49 buah kedai yang perbabit dalam menawarkan Menu Rahmah Non Halal dengan antara menu

ditawarkan seperti makanan laut, kepek ayam, mi sup, burger, lobak putih goreng, manisan dan banyak lagi," katanya dalam kenyataan, semalam.

Justeru, beliau menyeru lebih ramai lagi pemain industri, khususnya industri restoran dan makanan dapat bersama-sama berganding bahu menjayakan inisiatif Menu Rahmah itu bagi meringankan kos sara hidup rakyat.

Beliau pada masa sama berkata, orang ramai boleh mendapatkan maklumat mengenai lokasi premis menjual Menu Rahmah berdekatan, menerusi laman web <https://menurahmah.kpdn.gov.my>.

Peniaga juga katanya boleh mendaftar penyertaan mereka dengan melayari laman web sama.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

---

---

# **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**3 APRIL 2023 (ISNIN)**

**BERITA ONLINE BERTARIKH 3 APRIL 2023**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
1-Apr	Tiada peniaga jual ayam bulat melebihi harga siling	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/252639">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/252639</a>	SH
1-Apr	Tiada peniaga jual ayam bulat melebihi harga siling	<a href="https://bernama.com/bm/news.php?id=2178356">https://bernama.com/bm/news.php?id=2178356</a>	BERNAMA
1-Apr	Tiada peniaga jual ayam bulat melebihi harga siling, kata menteri	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/436116">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/436116</a>	THEMALAYSIANINSIGHT
1-Apr	Peniaga kekal patuh jual ayam bulat ikut harga siling	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/04/1085186/peniaga-kekal-patuh-jual-ayam-bulat-ikut-harga-siling">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/04/1085186/peniaga-kekal-patuh-jual-ayam-bulat-ikut-harga-siling</a>	BH
1-Apr	Tiada penjualan ayam bulat melebihi harga siling - Salahuddin	<a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/60806-tiada-penjualan-ayam-bulat-melebihi-harga-siling-salahuddin">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/60806-tiada-penjualan-ayam-bulat-melebihi-harga-siling-salahuddin</a>	BERITARTM
1-Apr	1,003 barangan keperluan diberikan potongan harga	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/04/02/1003-barangan-keperluan-diberikan-potongan-harga/">https://www.kosmo.com.my/2023/04/02/1003-barangan-keperluan-diberikan-potongan-harga/</a>	KOSMO
1-Apr	No traders found selling chicken above ceiling price during fasting month, says Salahuddin	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/04/02/no-traders-found-selling-chicken-above-ceiling-price-during-fasting-month-says-salahuddin/62840">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/04/02/no-traders-found-selling-chicken-above-ceiling-price-during-fasting-month-says-salahuddin/62840</a>	MALAYMAIL
1-Apr	Tiada peniaga jual ayam bulat melebihi harga siling	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-peniaga-jual-ayam-bulat-lebihi-harga-siling-413727%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/tiada-peniaga-jual-ayam-bulat-lebihi-harga-siling-413727%3famp=1</a>	ASTROAWANI
1-Apr	Ayam bulat dijual ikut harga syiling	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/952508/ayam-bulat-dijual-ikut-harga-syiling">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/952508/ayam-bulat-dijual-ikut-harga-syiling</a>	HM

1-Apr	1,003 barangan keperluan di Econsave diberikan potongan harga	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/1003-barangan-keperluan-di-econsave-diberikan-potongan-harga/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/1003-barangan-keperluan-di-econsave-diberikan-potongan-harga/</a>	UM
1-Apr	Harga makanan bazar Ramadan di Kedah berpatutan	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/harga-makanan-bazar-ramadan-di-kedah-berpatutan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/harga-makanan-bazar-ramadan-di-kedah-berpatutan/</a>	UM